


Jurnal Inspirasi Seni Intelektual

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka

Julai 2019

ISSN : 2637-0115



Rekabentuk Kenderaan: Pemikiran

Rekabentuk Kearah Inovasi

*Muhammad Hasri Abdul Rahim, Wan Zaiyana Mohd Yusof
& Nurkhazilah Idris*

Kajian Kesan Tapak Warisan Sejarah Dunia UNESCO Sebagai Lokasi Perlancongan Terhadap Sosio Budaya: A' Famosa, Melaka

*Musaddiq Mohamad Khalil, Amer Shakir Zainol (PhD)
& Azahar Harun (PhD)*

Konsep Tauhid Sebagai Analisa Kontekstual Dalam Reka Bentuk Masjid Tengker Melaka

*Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD)
& Muhammad Hasri Abdul Rahim*

Digital Photogram: Pengenalan Teknik dan Aplikasi Baru dalam Fotografi

Dona Lowii Madon, Raziq Abdul Samat & Aidah Alias

Gagasan Melayu Dalam Seni Catan Dekorasi Wanita Tempatan

*Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD), Nurkhazilah Idris,
& Khairunnisa Mohd Abdul Ghani*

Menelusuri Pembentukan Karya Bertemakan Hikayat Hang Tuah – Kajian Tipografi & Ilustrasi 'Pertarungan Hang Tuah dan Cin Cu'

Fadly Mohamed Sharif & Walid Muhammad Syafrin Effendi

Pembinaan Arca Awam Di Putrajaya : "Uniti-Keris"

Rosli Zakaria (PhD)

Buku Kerja atau "Workbook" Lakaran Idea Pelajar

*Wan Nur Khalisah Shamsudin, Anith Liyana Amin Nudin
& Lili Eliana Mohd Radzuan*

'Dinding Grafiti...Tarian Robot...Pudu Jail Ke Zaman Hip Hop

Azahari Haji Khalip

Keindahan Ukiran Kayu Pada Mimbar Masjid Terengganu Pada Tahun 2009 Hingga 2014

*Noor Hafiza Ismail (PhD), Azni Hanim Hamzah
& Mohd Fauzan Mat Sari*

Zunar dan Kartun

*Noorhazalen Saad, Shaliza Dasuki
Liza Marziana Mohammad Noh (PhD)*

Modul Asas Pembuatan Sandal

Ibrahim Othman



Foto oleh:
Wan Nur Khalisah Shamsudin

Jurnal
Inspirasi Seni Intelektual
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka
Julai 2019
ISSN : 2637-0115



Copyright 2019 by Faculty of Art & Design (FSSR)
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, 78000
Alor Gajah, Melaka.

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbitan FSSR, UiTM Cawangan Melaka terlebih dahulu.

All right reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system without permission in writing from the Penerbit FSSR, UiTM Cawangan Melaka.

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by
PENERBIT FAKULTI SENI LUKIS & SENI REKA
(FSSR),
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN
MELAKA,
JALAN LENDU, 78000 ALOR GAJAH,
MELAKA, MALAYSIA
Tel : +606 558 2000.

Atur Huruf oleh / Typeset by
Wan Nur Khalisah Shamsudin
Dr Liza Marziana Mohammad Noh
Nurkhazilah Idris

Reka bentuk kulit dan buku oleh
Wan Nur Khalisah Shamsudin
E-mail : wnkhalisah@gmail.com

Ahli Jawatankuasa Jurnal
Dr Liza Marziana Mohammad Noh
Wan Nur Khalisah Shamsudin
Wan Nur Ayuni Wan Mohd Zain
Shafirah Shaari
Nurkhazilah Idris

Penerbitan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka

Penaung

Prof Madya Datuk Sabariah Hj Mahat
Prof Madya Dr Ismadi Badarudin
Prof Madya Dr Shafinar Ismail

Penasihat

Prof Madya Dr Azahar Harun

Ketua Editor

Dr Liza Marziana Mohammad Noh

Editor

Wan Nur Khalisah Shamsudin
Nurkhazilah Idris

Pereka Grafik

Wan Nur Khalisah Shamsudin

Reviewer

Prof Madya Dr Azahar Harun
Dr Rosli zakaria
Dr Nadzri Mohd Sharif
Dr Haslinda Abd Razak
Dr Liza Marziana Mohammad Noh
Dr Sharmiza Abu Hassan

Prakata

Bismillahirraahmaniraahim.
Assalamualaikum WB.T.

Setelah tertangguh selama hampir setahun, akhirnya Jurnal ISI (INSPIRASI, SENI, INTELEKTUAL) keluaran kedua dapat diterbitkan. Penangguhan ini berlaku kerana kami menghadapi kesukaran untuk mendapatkan makalah daripada penyumbang meskipun jurnal ini hanya diterbitkan sekali setahun.

Namun begitu, walauapapun kekangannya, kami selaku Ahli Jawatankuasa Penerbitan Jurnal tetap akan berusaha untuk menerbitkan sebuah jurnal secara berterusan demi mewujudkan tamadun ilmu seni yang merangkumi teori dan praktis seni dan budaya. Pastinya kelangsungan dan keunggulan jurnal ini amat bergantung kepada penyumbang-penyumbang makalah yang terdiri dari ahli cendiakiawan dan sarjana seni dan budaya yang menyajikan pelbagai ilmu kepada anak bangsa kita. Penerbitan seperti ini harus dilakukan sebagai rujukan untuk peminat dan pengkaji seni supaya mereka dapat menyambung usaha dalam melestarikan ilmu-ilmu seni dan budaya kepada masyarakat.

Jurnal ISI ini membicarakan isu dan pemikiran dalam bidang-bidang kesenian berdasarkan penyelidikan akademik. Oleh itu, jurnal ini merupakan wadah penyampaian dalam membincangkan teori dan praktis seni daripada pelbagai disiplin atau pendekatan seni berdasarkan kajian atau penyelidikan secara berilmiah.

Sesungguhnya, penerbitan jurnal ini membuktikan iltizam Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM Melaka untuk terus memainkan peranannya dalam mengembangkan perkembangan intelektual kesenian di Malaysia dan seterusnya merangsangkan wacana ilmu dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Oleh

Dr. Liza Marziana Mohammad Noh

Ketua Editor

Jurnal Inspirasi, Seni, Intelektual

Isi Kandungan

i Prakata

ii Isi Kandungan

1 **Rekabentuk Kenderaan: Pemikiran
Rekabentuk Kearah Inovasi**
Muhammad Hasri Abdul Rahim, Wan Zaiyana Mohd Yusof
& Nurkhazilah Idris

11 **Kajian Kesan Tapak Warisan Sejarah Dunia UNESCO Sebagai
Lokasi Perlancongan Terhadap Sosio-Budaya: A' Famosa, Melaka**
Musaddiq Mohamad Khalil, Amer Shakir Zainol (PhD) & Azahar Harun (PhD)

16 **Konsep Tauhid Sebagai Analisa Kontekstual Dalam Reka Bentuk
Masjid Tengker Melaka**
*Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Mohammad Noh (PhD)
& Muhammad Hasri Abdul Rahim*

26 **Digital Photogram: Pengenalan Teknik dan Aplikasi Baru
dalam Fotografi**
Dona Lowii Madon, Raziq Abdul Samat & Aidah Alias

34 **Gagasan Melayu Dalam Seni Catan Dekoratif Wanita Tempatan**
*Liza Marziana Mohammad Noh (PhD), Nurkhazilah Idris,
& Khairunnisa Mohd Abdul Ghani*

44 **Menelusuri Pembentukan Karya Bertemakan Hikayat
Hang Tuah – Kajian Tipografi & Ilustrasi ‘Pertarungan
Hang Tuah dan Cin Cu’**
Fadly Mohamed Sharif & Walid Muhammad Syafrein Effendi

53 **Pembinaan Arca Awam Di Putrajaya : “Uniti-Keris”**
Rosli Zakaria (PhD)

64 **Buku Kerja atau ‘Workbook’ Lakaran Idea Pelajar**
*Wan Nur Khalisah Shamsudin, Anith Liyana Amin Nudin
& Lili Eliana Mohd Radzuan*

71 **‘Dinding Grafiti...Tarian Robot...Pudu Jail Ke Zaman Hip Hop**
Azahari Khalip

81 **Keindahan Ukiran Kayu Pada Mimbar Masjid Terengganu
Pada Tahun 2009 Hingga 2014**
*Noor Hafiza Ismail (PhD), Azni Hanim Hamzah
& Mohd Fauzan Mat Sari*

96 **Zunar dan Kartun**
*Noorhazalen Saad, Shaliza Dasuki
Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD)*

105 **Modul Asas Pembuatan Sandal**
Ibrahim Othman



Pembinaan Arca Awam DiPutrajaya: “Uniti-Keris”

Rosli Zakaria (PhD)

Abstrak

Arca Awam merupakan salah satu disiplin seni halus yang kini mendapat tempat didalam pembangunan bandar di Malaysia. Di Kuala Lumpur dan Putrajaya lebih dari 70 buah arca awam telah menghiasi persekitaran bangunan samada di ruang luar maupun ruang dalaman bangunan. Tidak dapat dinafikan keberadaan arca awam ini memberi tambah nilai kepada persekitaran itu sendiri maupun imej kepada pihak yang menganugerahkan pembinaannya. Penulisan ini menyorot proses penghasilan arca awam “Uniti (Keris) yang dianugerahkan oleh Perbadanan Putrajaya kepada penulis yang juga seorang pengarca professional. Keseluruhan penulisan akan menyentuh perihal pendekatan studio praktik yang digunakan didalam penghasilan arca tersebut. Kaedah kajian lapangan, serta kaedah perpustakaan telah diguna pakai bagi mendapatkan idea dan gambar visual tentang bentuk yang diinginkan. Mesyuarat dan perbincangan turut menjadi kaedah penting di dalam pembinaan arca Uniti (keris). Semua data dianalisa untuk mendapatkan keputusan akhir bentuk arca yang dibuat. Akhirnya proses studio praktik dimulakan sehinggalah Arca Awam Uniti-Keris siap dibina.

Kata kunci : Arca awam, uniti, persekitaran, studio praktik, ukiran batu.

Pengenalan

Perkembangan pesat pembangunan di Malaysia telah memberi peluang untuk arca awam berkembang, ia menjadi perkiraan di dalam setiap perancangan membina sesebuah bangunan dan lanskap persekitarannya. Pembinaan arca sama ada di ruang dalam bangunan atau di luar bangunan mampu menambah nilai persekitarannya juga sebagai simbol kejayaan atau kekuatan sesebuah syarikat yang menganugerahkan pembinaan arca awam tersebut. Begitu juga jika sesebuah arca awam tersebut dibina di atas kehendak kerajaan, maka tentunya arca tersebut bukan hanya memperlihatkan estetika luaran tetapi membawa maksud tersirat yang mewakili aspirasi kerajaan di dalamnya. Kesedaran tentang perlunya arca awam ini dalam mengimbangi kemajuan fizikal telah disahut oleh pihak kerajaan maupun swasta.

Tahun 1990an menampakkan perkembangan menarik kepada karya Arca Awam, ia bertitik tolak atas keperhatian pihak kerajaan maupun swasta yang menginginkan identiti mereka diolah dalam bentuk Arca Awam, malahan kewujudan Arca Awam tersebut mampu menjadi alat untuk mengekspresikan sesuatu yang menjadi pegangan sesebuah syarikat swasta maupun dasar-dasar kerajaan. Putrajaya selaku pusat pentadbiran baru Malaysia dibangunkan dengan perkiraan estetik yang terancang. Bangunan-bangunan dibina dengan reka bentuk yang unik dan menarik. Ciri-ciri moden Putrajaya turut di tonjolkan didalam reka bentuk jambatan dan lain-lain. Dalam konteks arca awam, Putrajaya turut memberi peluang kepada pengarca untuk menghasilkan rekabentuk arca yang unik dan menarik. Penghasilan arca awam di Putrajaya bukan sekadar mempunyai penampilan

moden tetapi ianya turut membawa nilai-nilai tradisi yang menjadi kekuatannya.

Pernyataan Masalah

Perbadanan Putrajaya merupakan kerajaan tempatan yang bertanggungjawab mentadbir Putrajaya dari segenap aspek. Objektif Perbadanan adalah untuk membangun, mentadbir dan mengurus kawasan Perbadanan Putrajaya bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Perbadanan Putrajaya mempunyai 6 fungsi utama iaitu, Menjalankan segala kuasa kerajaan tempatan di dalam Kawasan Perbadanan Putrajaya, Menjalankan segala aktiviti, khususnya aktiviti-aktiviti yang bersifat komersil yang perjalanannya didapati oleh Perbadanan adalah perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya, Mengawal selia, menyelaraskan dan mengusahakan pembangunan termasuk pembangunan infrastruktur, di dalam kawasan Perbadanan Putrajaya, mengawal dan menyelia pelaksanaan aktiviti di kawasan Perbadanan Putrajaya, bertindak sebagai ejen Kerajaan Persekutuan, Pentadbir tanah kawasan Perbadanan Putrajaya. Bangunan Perbadanan Putrajaya yang terletak di persint 3 telah dibina dengan reka bentuk yang menarik dan memerlukan pengindahan di persekitarannya sama ada dari segi lanskap lembut maupun lanskap kejur.

Sehubungan itu, pihak pengurusan telah menawarkan kepada pengarca-pengarca di Malaysia untuk mengemukakan rekaan arca awam di persekitaran hadapan bangunan Perbadanan yang lebih dikenali sebagai Persiaran Perdana. Arca yang dibina berteraskan identiti negara, dalam

waktu yang sama membawa nilai-nilai global di dalamnya.


Objektif Kajian

1. Mengenalpasti bentuk arca yang sesuai dari segi bentuk luaran dan makna dalaman
2. Menghasilkan satu kertas cadangan untuk membina arca.
3. Melaksanakan kerja-kerja pembinaan arca.

Kaedah Kajian

Kajian ini telah dibuat dengan gabungan beberapa kaedah yang utama. Ia dibahagikan kepada 2 fasa utama. Pada fasa pertama iaitu perkembangan idea, kaedah kajian perpustakaan dan kajian lapangan telah dilaksanakan untuk tujuan mendapatkan kesesuaian subjek yang akan direkabentuk untuk menjadi sebuah arca. Kaedah kajian visual dilaksanakan iaitu membuat lakaran kasar, lukisan akhir bentuk arca, lukisan teknikal. Kesemua perkara didalam fasa pertama ini akan dirumuskan untuk menjadi sebuah kertas cadangan yang lengkap dan di majukan kepada pihak Perbadanan Putrajaya. Kaedah yang unik di fasa ini adalah kaedah mesyuarat serta apresiasi dan kritikan reka bentuk arca yang telah dibuat. Kaedah ini merupakan tahap yang kritikal dan amat penting bagi menentukan rekabentuk arca diputuskan untuk dipilih dan dibina atau sebaliknya. Di Fasa kedua iaitu membina arca, kaedah studio praktik telah digunakan secara keseluruhannya. Kerja-kerja membina arca dilaksanakan peringkat demi

peringkat sehingga selesai diletakkan di lokasi yang telah ditetapkan.



Rajah 1. Proses ringkas Penghasilan Arca Awam.

Dapatan kajian

Melalui kajian ini tiga dapatan utama telah dikenalpasti. Pertama, tiga subjek utama telah dipilih sebagai rujukan merekabentuk arca Uniti-Keris, Kedua, kajian telah dirumuskan dalam bentuk sebuah kertas cadangan yang mengandungi penulisan, lukisan, dan model. Ketiga, penghasilan sebenar arca Uniti-Keris. Namun begitu sepanjang proses kajian dijalankan beberapa penemuan kecil telah diperolehi dan direkodkan untuk penambahbaikan kajian arca awam yang lain.

Keris, Papan Litar Komputer, Kerusi sebagai subjek rujukan rekabentuk arca

Pengkaji telah menjadikan keris pekaka sebagai subjek utama rujukan untuk membuat rekabentuk arca. Pemilihan keris Pekaka dilakukan kerana dalam

budaya di Malaysia keris adalah lambang kuasa. Ia adalah antara peralatan yang disisipkan dipinggang ketika pertabalan Yang Dipertuan Agong sebagai simbol pemerintah di Malaysia. Keris Pekaka dihunuskan dan dikucup oleh YDP Agong sebagai simbolik penerimaan kuasa. Manakala dalam konteks kepahlawanan keris merupakan lambang kepahlawanan Melayu zaman silam, malah ia turut digunakan sebagai alat kebesaran, simbol kuasa dan kedaulatan bangsa. Kajian juga telah memilih subjek papan litar komputer untuk dijadikan simbol kemajuan dan dunia teknologi yang menjadi nadi pentadbiran di Putrajaya. Manakala subjek kerusi telah dipilih oleh pengkaji untuk menjadi sebahagian daripada arca yang dibina. 5 buah kerusi menjadikan arca yang dibina mempunyai nilai tambah, iaitu arca awam Uniti-Keris bukan hanya sebagai objek estetik tetapi juga arca yang sifatnya berfungsi dan boleh diduduki oleh pengunjung.

Kertas Cadangan pembinaan arca Uniti-Keris di Kawasan Persiaran Perdana Putrajaya

Rumusan fasa awal telah dibuat dengan penghasilan satu kertas cadangan yang lengkap mengandungi penulisan berkaitan latar belakang/ pengenalan, idea, konsep, subjek kajian, bahan, lokasi, kos pembinaan dan carta gant pembinaan. Kertas cadangan juga mengandungi imej visual model arca Uniti-Keris dari empat sudut pandangan yang berbeza. Lukisan teknikal berkaitan pembinaan sebenar disertakan sebagai panduan kepada jurutera menilai ukuran arca

dan kesesuaiannya untuk diletakkan di lokasi sebenar, tapak, pencahayaan, dan keselamatan. Lukisan pandangan artis turut disertakan bagi memberi gambaran sebenar arca di lokasi. Lukisan ini dihasilkan menggunakan kaedah asas *superimposed* dengan perisian asas *photoshop*. Pengkaji turut menyertakan lampiran CV berserta imej-imej arca awam yang telah dihasilkan terdahulu sebagai bahan sokongan bagi membuktikan kepakaran pengkaji dalam bidang arca awam.

KERTAS CADANGAN PEMBINAAN ARCA AWAM DI KAWASAN PERSIARAN PERDANA, PUTRAJAYA.

UNTI (KERIS)

IDEA DAN REKABENTUK
ROSLI ZAKARIA

PENGENALAN

Arca Awam merupakan satu disiplin seni yang kian mendapat tumpuan dalam pembangunan sesebuah bandar. Di Bandaraya Kuala Lumpur hampir 50 buah arca awam telah dibina dengan beberapa justifikasi. Antara yang penting adalah: arca awam sebagai ikon sesebuah organisasi, arca awam sebagai mercu tanda dan arca awam sebagai cerminan budaya setempat. Di zaman serba moden dan canggih ini, pembangunan sesuatu lokasi harus ditandai dengan kewujudan estetika moden yang dapat menambahkan nilai sesuatu lokasi, kawasan maupun pihak pembinaannya.

Dalam konteks Putrajaya selaku pusat pemerintahan yang baru dan moden, pembinaan arca sebagai simbol kemodenan pemikiran dan estetika harus diberikan penekanan. Projek pengindahan dan penceritaan kawasan Persiaran Perdana merupakan suatu kesempatan bagi pengarca untuk berkongsi bersama dalam proses tersebut. Cadangan pembinaan arca awam di beberapa lokasi yang telah dikenalpasti diharapkan dapat menyimbangi pembangunan fizikal yang kian rancak di Putrajaya.

KONSEP

"Uniti" merupakan sebuah arca yang membawa konsep **kesatuan**. Kewujudan masyarakat yang berbilang bangsa harus dilihat sebagai suatu anugerah unik yang tidak di punyai oleh semua orang. Malaysia bertuah mempunyai kepelbagaian adat, budaya dan agama yang bersifat rancam tetapi menarik. Anugerah ini merupakan kekuatan rakyat Malaysia dan perlu di satukan untuk dimanfaatkan oleh semua rakyat di negara ini. Kesatuan merupakan satu konsep yang terbukti mampu membuahkan kejayaan bagi negara. Konsep kesatuan ini juga merujuk kepada simbol tradisi keris dan simbol IT garisan litar. Kedua-duanya ini disatukan untuk memberi impak estetika kepada bentuk arca tersebut. Nilai tradisi dan nilai moden harus bergerak seiring demi menjadi negara yang maju dengan acuan sendiri.

SUBJEK KAJIAN

Bentuk arca ini dihasilkan dari rujukan hulu keris Pekaka. Pemilihan keris Pekaka sebagai rujukan adalah kerana keris ini melambangkan kuasa, keris ini melambangkan nilai tradisi. Selain itu keris juga boleh dimengerti sebagai lambang kaum Melayu sebagai penggunaanya sejak zaman kesultanan melayu . Subjek kajian lain yang wujud di dalam arca ini adalah simbol litar komputer yang diukir di atas bentuk utama. Manakala disekeliling arca terdapat 5 kerusi kecil yang sedia diduduki oleh penghayat untuk menikmati arca tersebut ataupun sekadar untuk beristirahat. Dari segi bilangan 5, secara sedar pengarca menggunakan bilangan 5 ini bagi merujuk kepada 5 Rukunegara, 5 Rukun Islam

LOKASI

Pengarca mencadangkan lokasinya adalah di Persiaran perdana di lokasi C berhampiran Bangunan Kehakiman. Dikawasan taman mini yang kosong (rujuk peta)

BAHAN DAN TEKNIK

Pengarca mencadangkan arca diperbuat daripada bahan mar mar putih dengan teknik mengukir. Justifikasi kenapa menggunakan bahan mar mar kerana bahan ini merupakan bahan daripada alam yang mempunyai kekuatan beratus tahun dan akan kekal di lokasi yang diletakkan. Bahan mar mar putih mampu bertahan dari cuaca panas, sejuk, dan hujan, malahan risiko penyelenggaraan tidak mempunyai kesukaran. Justifikasi lain adalah, hampir tiada arca daripada bahan batu yang dihasilkan oleh pengarca tempatan, lantas Putrajaya akan menjadi lokasi pertama arca sedemikian.


BEBERAPA SUDUT PANDANGAN ARCA "UNITY" YANG DIAMBIL DARI MODEL




PANDANGAN SISI




PANDANGAN DEPAN.




PANDANGAN ATAS




PANDANGAN SISI 1
SCALE: 1 : 20



PANDANGAN SISI 2
SCALE: 1 : 20



PANDANGAN ATAS
SCALE: 1 : 20



PANDANGAN HADAPAN
SCALE: 1 : 20



Gambaran Artis Arca "Unity"

Pengarca: Rosli Zakaria
Tajuk: *Unity*.
Bahan: Mar mar
Saiz: 4.5m. Tinggi
Tahun: 2011

Gambar 1 : Kertas cadangan Arca Awam "Uniti-Keris"

Proses Penghasilan Arca Awam Uniti-Keris

Selepas pengkaji melalui dua fasa yang awal (dalam tempoh 1 tahun), akhirnya keputusan pihak Perbadanan Putrajaya telah bersetuju untuk menganugerahkan pembinaan Arca Awam "Uniti-Keris" kepada pengkaji. Cadangan rekabentuk arca telah dimuktamadkan dan pengkaji diminta untuk membina dalam jangka waktu selama 8 bulan.

Berdasarkan kertas cadanganyang telah dipersetujui, Arca Awam "Uniti-Keris" diperbuat dari bahan batu (diperingkat awal *marblestone*, tetapi ditukar kepada *limestone* disebabkan kos yang meningkat) Proses menghasilkan Arca Awam "Uniti-Keris" bermula dengan mendapatkan bahan dari kilang batu di Batu Berendam Melaka. Studio Tukang Arca@Home telah dijadikan lokasi kerja-kerja pembinaan arca "Uniti-Keris". Di lokasi

ini pihak pembekal telah menghantar dua bongkah batu yang telah dipilih. Kerja-kerja mengukir bermula peringkat demi peringkat. Pertama adalah kerja memotong dan mengukir bentuk bahagian bawah arca, ia memakan masa hampir satu bulan. Diikuti kerja-kerja memotong dan mengukir bentuk kedua iaitu bentuk hulu keris. Kerja-kerja mengukir bentuk kedua memakan masa hampir dua bulan.

Proses mengukir batu memerlukan peralatan letrik dan peralatan tangan. Manakala kren digunakan untuk mengubah atau memusingkan bongkah batu. Kerja-kerja membina lima buah kerusi tidak memakan masa yang terlalu lama memandangkan bentuk asas kerusi batu telah dipotong di kilang. Bagi pengguna kren pengkaji terpaksa merangka jadual penggunaannya kerana kren tersebut perlu disewa dan ianya telah mempunyai jadual tersendiri berdasarkan permintaan pelanggan-pelanggan.

Pengkaji telah menggunakan tenaga pembantu seramai empat orang sepanjang proses mengukir dilaksanakan. Empat orang pembantu ini terdiri dari pelajar dari institutt pengajian tinggi yang membantu atas kapasiti mereka sebagai pelajar praktikal di Studio Tukang Arca@Home. Proses akhir selepas kesemua bentuk arca siap diukir adalah proses menghantar ke lokasi di Putrajaya dan memasangnya di tapak yang telah disediakan sebelumnya (pengkaji telah menyiapkan tapak di lokasi sebenar dua minggu awal dari tarikh

memasang).

Kerja-kerja memindahkan arca dari studio ke lokasi sebenar tidak memakan masa yang lama. Pengkaji hanya menggunakan masa selama satu hari untuk memindahkan dan memasang di Putrajaya.

Namun begitu kerja-kerja pengemasaan diperlukan selama dua minggu disebabkan pengkaji terlibat dengan tugas lain. Arca Awam “Uniti-Keris” disempurnakan dan diserahkan kepada Perbadanan Putrajaya apabila pengkaji selesai meletakkan papan maklumat yang mengandungi butiran serta keterangan Arca Awam “Uniti-Keris” secara ringkas.



Gambar 2 : Pengkaji/pengarca bersama model melawat ke lokasi sebenar arca “Uniti-Keris” diletakkan.





Gambar 3 : a,b,c,d,e,f, g. Kerja-kerja mengukir arca di laksanakan bertempat di Tukang Arca @home

Gambar 4 : a,b,c. Kedua-dua bentuk arca "Uniti-Keris" iaitu sarung dan hulu keris telah diukir. Dalam gambar 3c menunjukkan kedua-dua bentuk telah sedia untuk dicantumkan.



Gambar 5 : a,b , arca yg telah sempurna dicantum dan disusun bersama 5 buah kerusi.



Gambar 6 : a,b,c,d, Arca "Uniti-keris" di pindahkan dari Studio ke Putrajaya.

Kesimpulan

Arca Awam “Uniti-Keris” kini menjadi salah satu objek seni yang menghiasi persekitaran di kawasan Putrajaya. Arca ini menjadi objek budaya yang membawa persoalan tradisi, kuasa dan kemajuan yang wujud di Putrajaya. Perbadanan Putrajaya sebagai pemilik arca ini telah berjaya melaksanakan tugas untuk memberi jiwa kepada persekitaran Persiaran Perdana. Arca Awam “Uniti-Keris” yang menggunakan subjek keris, litar komputer dan kerusi mampu menjadi salah satu ikon baru di Putrajaya. Kemajuan di era langit terbuka jelas terpapar melalui kewujudan arca awam tanpa menghilangkanan nilai-nilai tradisi bangsa.

Bibilografi

Balai Seni Lukis Negara. (1987). *Fifth ASEAN Square Sculpture Symposium*, Kuala Lumpur: Balai Seni lukis Negara.
Balai Seni Lukis Negara. 1993. *Rupa & Jiwa kesinambungan Tradisi Dalam Senirupa Malaysia Sezaman*. Kuala Lumpur: BSLN.

Ismail, Z. (1980). *Seni dan Imajan*, Kuala Lumpur: Muzium Seni Negara Malaysia.

Louis, G. R. (1981). *Public art New Direction*. USA _____ 2012. John Underwood. <http://www.windowonlifwstyl e.com/features-profile>(6 Mei).

Ragans,R. 2000. *Art Talk*, USA: Glencoe/McGraw-Hill Ramlan Abdullah. 2009. Public Art vs Syed Ahamd Jamal. www.facebook.com(17 Ogos 2010).

Rosli, Z. (2011). *Strength of Hue: Idea dan Proses Penghasilan Dalam Arca*



Gambar 7 : a,b,c. Arca dipasang dan siap untuk dilihat oleh orang awam.



Gambar 8 : Arca “Uniti-Keris” kini menghiasi persekitaran Persiaran Perdana Putrajaya.

Awam di Hue Vietnam. Prosiding Seni Visual Praktik dan Penyelidikan. hlm163-175.

Sam, M. M. (2008). *Rediscovering Treasure: The Importance of Public Art database in Malaysia*. Kertas Kerja dibentangkan di Balai Seni Lukis Negara Kuala Lumpur. 4Mei.

Sam, M. M. (2009). *Public art in the Federal Territory of Putrajaya: Questions of Value and Role*. Wacana Seni, Journal of Art Discourse. Jil/Vol 8. Penang:USM.

Syed, A. J. (1992). *Rupa & Jiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed, A. J. (1996). *Art & The Enviroment: The Malaysian Scenario*. Kertas kerja yang dibentang di Concorde Hotel. 22Mei.




UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Fakulti
Seni Lukis
& Seni Reka



Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka

ISSN 2637-0115



9 772637 011001